

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERMOHONAN UPU ONLINE



SOALAN AM





| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 1. | Saya cuba mendaftar UPUOnline namun begitu paparan menunjukkan nombor kad pengenalan saya telah pun didaftarkan. | <p>Perkara ini terjadi kerana berkemungkinan terdapat pihak lain yang mendaftar UPUOnline dengan menggunakan Kad Pengenalan pemohon atau pemohon terlupa beliau telah mendaftar.</p> <p>Pemohon boleh menghubungi talian Hotline UPU 03-8870 8200 atau pun menggunakan Sistem Maklum Balas Pelanggan UPU untuk mendapatkan bantuan.</p> |
| 2. | Bolehkah saya membuat pertukaran program pengajian jika saya telah mendapat tawaran | Tawaran adalah muktamad . Sebarang pertukaran program atau Universiti tidak dibenarkan. |
| 3. | Adakah wajib saya memilih program bertemu duga/ujian. | Tidak . Pemohon boleh tentukan sama ada mahu memilih program bertemu duga/ujian ataupun tidak. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 4. | Apa itu fasa pengemaskinian? | <ul style="list-style-type: none"> • Fasa pengemaskinian adalah fasa bagi pemohon mengemas kini pilihan program pengajian berdasarkan keputusan sebenar bagi pemohon kategori SPM, STPM dan STAM dan keputusan penuh bagi pemohon kategori Matrikulasi/Asasi. • Bagi pemohon kategori SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM, pemohon boleh mengemas kini semua pilihan program pengajian kecuali program pengajian yang telah dipanggil temu duga. Pada fasa pengemaskinian ini, tiada lagi pilihan program pengajian bertemu duga. • Bagi Kategori Diploma/Setaraf, hanya boleh mengemas kini keputusan dan memuat naik dokumen sahaja tanpa kemaskini pilihan program pengajian. |
| 5. | Apakah maksud Mesra OKU yang terpapar pada pilihan program pengajian ? | Paparan Mesra OKU bermaksud ketersediaan institusi menerima pemohon OKU dari segi prasarana dan aspek mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP). |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 6. | Bagaimanakah saya boleh memastikan permohonan saya berjaya diterima? | Permohonan berjaya diterima jika pemohon berjaya mencetak slip permohonan. |
| 7. | Bolehkah pemohon lepasan SPM bukan Warganegara memohon melalui UPUOnline? | Pemohon lepasan SPM bukan warganegara tidak boleh membuat permohonan melalui UPUOnline. Salah satu syarat Am menetapkan Warganegara Malaysia yang mempunyai No. Kad Pengenalan / My Kad sahaja yang layak mengemukakan permohonan. |
| 8. | Sekiranya pemohon menolak untuk hadir bagi sesi temu duga dari Institusi/Agensi, adakah pemohon dapat mengemas kini pilihan tersebut pada fasa pengemaskinian? | Bagi lepasan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi dan STAM, pemohon boleh mengemas kini semua pilihan program pengajian kecuali program pengajian yang telah dipanggil temu duga. Pada fasa pengemaskinian ini, tiada lagi pilihan program pengajian bertemu duga. |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| 9. | Sekiranya pemohon telah menekan butang simpan dan mencetak slip permohonan, adakah masih dibenarkan untuk mengemas kini permohonan? | Pemohon boleh mengemas kini permohonan UPUOnline tanpa had . Pastikan slip permohonan yang terkini disimpan / dicetak sebagai rujukan dan bukti permohonan/ pengemaskinian telah dibuat. |
| 10. | Bagaimanakah kaedah temu duga akan dijalankan? | Kaedah temu duga dan/atau ujian dijalankan bergantung kepada Institusi/Agensi masing-masing. |
| 11. | Adakah pemohon dibenarkan membuat permohonan rayuan sekiranya tidak membuat permohonan pada fasa permohonan ini? | Hanya pemohon yang mengisi pada fasa permohonan sahaja dan tidak berjaya pada Hebahan Perdana yang dibenarkan membuat permohonan rayuan. |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 12. | Saya tidak melengkapkan permohonan saya pada fasa permohonan, adakah saya dibenarkan untuk mengemas kini pada fasa Pengemaskinian? | Pihak BKPA hanya memproses pemohon yang klik 'Simpan' dan mempunyai slip permohonan pada fasa permohonan bagi membenarkan pemohon tersebut mengemas kini pada fasa pengemaskinian. |
| 13. | Saya masih belajar dan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda xxx di Univerisiti xx tetapi tidak berminat untuk meneruskan pengajian, bolehkah saya memohon UPUOnline bagi sesi kali ini? | Pemohon yang masih aktif belajar di Institusi/Agensi tidak akan dipertimbangkan untuk sebarang tawaran program pengajian kecuali pemohon tersebut dapat mengemukakan surat pengesahan berhenti belajar dan memastikan pemohon bukan lagi berstatus pelajar aktif. |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| 14. | Saya tidak memilih sebarang program bertemu duga, adakah saya boleh meneruskan permohonan tersebut? | <ul style="list-style-type: none">• Pemohon boleh memilih program pengajian bertemu duga jika pemohon berminat dalam program bertemu duga (Pendidikan atau Bukan Pendidikan) di pilihan 1-4• Jika tidak berminat, pemohon boleh mengisi program pengajian yang tidak bertemu duga di pilihan 1 hingga 4. |

SOALAN LEPASAN SPM



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 1. | Kenapa tiada paparan program pengajian Asasi dalam borang permohonan UPUOnline? | <p>Terdapat beberapa program pengajian Asasi yang terbuka kepada pemohon yang berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli sahaja.</p> <p>Pemohon yang tidak dapat memilih program Asasi yang mempunyai syarat khas kaum boleh memilih program Asasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Asasi Pertanian – UPM b) Asasi Pintar –UKM c) Asasi STEM- UMT d) Asasi Sains –UMK e) Asasi Pengurusan –UUM f) Asasi –UPNM |
| 2. | Adakah pelajar yang mengikuti program pengajian Asasi boleh memohon melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda di UA yang lain. | Hanya yang mengikuti program pengajian Asasi Sains UM, Asasi Pintar UKM dan Asasi UiTM sahaja dibenarkan melanjutkan pengajian di UA yang lain. |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 3. | Bolehkah saya memohon UPUOnline sekiranya saya adalah calon persendirian dan tidak mempunyai keputusan percubaan SPM atau sebarang keputusan peperiksaan akhir tingkatan 4 atau tingkatan 5? | <p>Pada fasa permohonan, pemohon boleh mengisi mana-mana keputusan yang bersesuaian bagi meneruskan permohonan UPUOnline.</p> <p>Maklumat yang diisi ini adalah bagi tujuan saringan temuduga/ujian sahaja.</p> |
| 4. | Keputusan percubaan SPM saya tidak begitu baik, bolehkah saya menggabungkan keputusan akhir tingkatan 4 dan tingkatan 5? | Semasa fasa permohonan, pemohon hanya boleh mengisi salah satu keputusan akhir sama ada tingkatan 4 atau tingkatan 5. |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| 5. | Kenapa program bagi Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak dipaparkan pada permohonan UPUOnline? | Dua (2) buah Universiti ini hanya menawarkan program pengajian bagi Lulusan STPM/Setaraf sahaja |
| 6. | Disebabkan permohonan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi (KM) tidak lagi bersama-sama dalam sistem UPUOnline, adakah pelajar akan menerima tiga (3) tawaran? | Pada sesi akademik 2021/2022, pemohon berkemungkinan akan mendapat lebih dari satu (1) tawaran. |

SOALAN LEPASAN STPM/SETARAF



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| 1. | Bolehkah saya memohon UPUOnline jika belum menerima keputusan MUET? | <p>Pemohon yang tidak mempunyai keputusan MUET boleh membuat permohonan.</p> <p>Permohonan boleh dipertimbangkan bagi tujuan pemilihan program pengajian dalam Fasa Pengemaskinian sekiranya keputusan tersebut diperolehi sebelum Fasa Pengemaskinian ditutup.</p> |
| 2. | Perluakah saya mengemukakan keputusan MUET yang saya perolehi kepada BKPA bagi tujuan kemaskini keputusan tersebut? | Tiada keperluan untuk kemukakan keputusan MUET kerana pihak BKPA akan membuat padanan data dengan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 3. | Sekiranya tamat tempoh sah laku sijil MUET saya adalah pada awal September 2021 dan tarikh pendaftaran pelajar baharu adalah pada Oktober 2021, perlukah saya menduduki MUET semula? | Tidak perlu menduduki MUET semula. Syarat am kemasukan ke UA menetapkan pemohon perlu sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam MUET mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan dan boleh diguna pakai sehingga tarikh pendaftaran sesi Akademik 2021/2022 |
| 4. | Kenapa saya hanya boleh mengisi pilihan program yang berada dikedudukan pilihan 1 hingga 4 sahaja. | Pemohonan berkemungkinan tidak memenuhi syarat am permohonan iaitu PNGK sekurang-kurangnya 2.00 atau tidak mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam 3 mata pelajaran termasuk pengajian Am atau Tidak kredit Bahasa Melayu atau tidak lulus sejarah pada peringkat SPM |



| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 5. | Saya adalah pelajar semester akhir Diploma/Setaraf dan sedang mengikuti latihan industri, bolehkah saya memohon UPUOnline? | Hanya calon yang tamat pengajian dan dianugerahkan Diploma oleh Senat UA atau Lulus Penuh yang dikeluarkan oleh Politeknik Malaysia selewat-lewatnya pada September 2021 boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke UA melalui UPUOnline |
| 6. | Saya adalah pemohon kategori Diploma, kenapa pada paparan pilihan program saya tidak dapat melihat program yang saya minati? | Bagi kategori Diploma UA dan Politeknik tapisan program pengajian dibuat berdasarkan Kod Bidang pengajian Diploma (NEC) yang diikuti calon. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|-------------|---|--|
| 7. | Apakah senarai dokumen yang perlu saya kemukakan sekiranya program pengajian yang saya ikuti semasa Diploma belum menerima Akreditasi penuh dari MQA? | <p>Pemohon boleh menyemak dan memuat naik dokumen Akreditasi Provisional/Sementara yang terdapat dalam laman web MQA.</p> <p>Namun begitu pertimbangan tertakluk kepada kelulusan senat Universiti</p> |
| 8. | Saya mempunyai keputusan SPM ulangan, namun begitu paparan pada permohonan UPUOnline menunjukkan pihak BKPA menggunakan keputusan SPM lama, bagaimanakah cara untuk saya menggunakan keputusan terkini? | Calon lepasan STPM/ Setaraf boleh menggunakan keputusan SPM ulangan bersama keputusan SPM terdahulu. Pemohon boleh mengemukakan salinan sijil SPM ulangan bersama SPM terdahulu kepada pihak BKPA dan pihak BKPA akan mengemas kini keputusan SPM calon dalam borang permohonan. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| 9. | Bolehkah saya meneruskan permohonan pada fasa ini sekiranya dokumen yang perlu dimuat naik tidak mencukupi? | <p>Pada fasa permohonan permohonan boleh memuat naik mana-mana dokumen yang ada.</p> <p>Perlu diingatkan pada fasa kemaskini semua dokumen perlu dilengkapkan</p> |
| 10. | Bolehkah saya memohon dua kategori iaitu lepasan STPM/Setaraf dan juga kategori lepasan SPM? | <p>Pemohon boleh mengemukakan dua (2) permohonan melalui UPUOnline.</p> <p>Pemohon boleh ditawarkan kemana-mana program yang layak.</p> |